

MUZIUM DAN PRINSIP WASATIYYAH DI TANAH MELAYU

Siti Maimunah KAHAL^{*1}

Rahimin Affandi ABDUL RAHIM²

Hajar OPIR³,

Amiratul Munirah YAHAYA⁴

Mohd Hapiz MAHAIYADIN⁵

Wan Yusnee ABDULLAH⁶

^{1,3,4,5}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam,

²Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,

⁶Pusat Pengajaran Asasi dan Umum, Universiti Selangor

mykahal89@yahoo.com

faqir_ilia_rabbih@um.edu.my

hajar_opir@uitm.edu.my

amiratul@uitm.edu.my

mohdhapiz659@uitm.edu.my

wanyusnee@unisel.edu.my

Received: 11th May 2023

Accepted: 25th July 2023

ABSTRAK

Hasil kerja seorang kurator muzium dapat dikategorikan sebagai sumber berautoriti untuk mengetahui kecenderungan pemikiran sesuatu masyarakat. Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis perpustakaan terhadap beberapa artifak sejarah di Muzium Abu Bakar Pekan Pahang dan Muzium Negeri Terengganu. Fokus utamanya adalah untuk melihat nisbah pemikiran dan praktikaliti wasatiyyah yang diamalkan oleh masyarakat Alam Melayu. Hasil kajian ini mendapat beberapa perkara utama. Pertama, muzium memang berfungsi sebagai perakam *world-view* pemikiran sesuatu masyarakat dan tidak bebas nilai, namun kurator muzium sudah pasti terpengaruh dengan pemikiran masyarakat dalam menyusun galeri. Kedua, terdapat pelbagai faktor kenapa muzium mampu digunakan untuk sesuatu agenda pendidikan yang baik, antaranya adalah keunikian, mudah diingati dan mampu menjana pemikiran kritikal. Ketiga, falsafah wasatiyyah ini secara sederhana telah dilaksanakan dalam masyarakat Melayu dengan cara menyeimbangkan antara kepentingan dunia dan akhirat; menolak segala bentuk ekstremisme; menyeimbangkan antara sumber wahyu dan akal serta realiti setempat.

Kata kunci: artifak; batu bersurat Terengganu; Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan, Pahang; Muzium Negeri Terengganu; wasatiyyah

MUSEUMS AND PRINCIPLES OF WASATIYYAH IN THE MALAY WORLD

ABSTRACT

The work of a museum curator can be categorized as an authoritative source to understand the intellectual tendencies of society. This study will utilize library analysis methods on several historical artifacts at the Abu Bakar Museum in Pekan, Pahang, and the Terengganu State Museum. The main focus of this study is to examine the ratio of thought and practicality of wasatiyyah (moderation) practiced by Malay society. The findings of this study have identified several main points. Firstly, the museum indeed serves as a recorder of the worldviews and thoughts of society and is not value-neutral. However, museum curators are undoubtedly influenced by society's thoughts when organizing galleries. Secondly, various factors explain why museums can be utilized for effective educational purposes. These include uniqueness, ease of remembrance, and the ability to generate critical thinking. Thirdly, the philosophy of wasatiyyah, in simple terms, has been implemented in Malay society by balancing worldly and spiritual interests, rejecting all forms of extremism, and striking a balance between divine revelation, reason, and local realities.

Keyword: artifact; Stone Lettering Terengganu; Abu Bakar Museum in Pekan, Pahang; Terengganu State Museum; wasatiyyah

Pengenalan

Muzium telah menjadi institusi penting untuk konteks dunia moden. Ia bukan setakat menjadi penjana ekonomi yang memajukan industri pelancongan di sesebuah negara, bahkan turut menjadi neraca untuk menilai kewujudan sesuatu falsafah pemikiran dalam sesebuah masyarakat. Sebelum ini, terdapat sarjana seperti Charlotte Morgan (2015), Emily Duthie (2011) Stuart Frost (2019) yang mengkaji pemikiran pasca kolonial melalui Koleksi muzium Barat. Begitu juga Suhaili Osman (2011) telah mengkaji pemikiran kebangkitan Islam di Indonesia dan Malaysia melalui koleksi muzium yang terdapat di kedua-dua negara. Apa yang jelas, hal ini mampu dilakukan kerana hasil usaha seorang kurator muzium dapat dianggap sebagai cermin yang mewakili mentaliti dan *world-view* masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai alat untuk merakam sesuatu pemikiran yang berkembang dalam masyarakat. Mengikut Diana Laurenson & Alan Swingewood (1971), seorang kurator pasti terpengaruh dengan pegangan agama, ideologi, sosiologi masyarakat dan pemikiran yang berkembang dalam masyarakatnya. Berasaskan premis ini, kajian ini akan menerangkan falsafah wasatiyyah dalam masyarakat Melayu silam melalui koleksi artifak muzium. Perbahasan ini akan memfokuskan galeri yang terdapat di Muzium Abu Bakar Pekan Pahang dan Muzium Negeri Terengganu.

Definisi Muzium

Muzium mengikut International Council of Museum (ICOM) merupakan sebuah institusi moden tanpa keuntungan yang menjalankan fungsi pengumpulan, konservasi, penyelidikan, komunikasi dan pameran, pendidikan terhadap warisan sejarah nyata dan tidak nyata. Muzium dijelaskan sebagai institusi tanpa keuntungan, kekal berkhidmat untuk masyarakat dan pembangunannya. Muzium juga terbuka kepada orang awam untuk memperoleh, melestarikan, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara di dalam persekitarannya untuk tujuan pendidikan, pembelajaran dan untuk dinikmati semua.”

Pada zaman moden, kepentingan muzium ini semakin terserlah kerana pelbagai sebab utama. Pertama, ia mempunyai badan induk khusus yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia sama ada negara maju, sedang membangun dan mundur. ICOM ditubuhkan pada tahun 1946 dengan memainkan peranan dalam bidang permuziuman antarabangsa. Ia terlibat dalam memperkenalkan

pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya dan mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli (Ahmad Farid Ab Jalal, 2020).

Contohnya, ICOM mendukung agenda pasca kolonial (menentang kolonialisme). ICOM mewakili negara ahli, khususnya negara bekas tanah jajahan telah menguatkuaskan etika ICOM yang bertepatan dengan falsafah pasca kolonialisme. Di dalamnya ditetapkan prinsip pemulangan harta warisan dan bahan budaya dari negara dijajah:

- a. Muzium harus sentiasa bersedia bagi melakukan perbincangan untuk pemulangan harta warisan kepada sesebuah negara atau masyarakat asal objek tersebut. Ia harus dilaksanakan secara tidak berat sebelah berdasarkan prinsip saintifik/ilmiah, profesional dan kemanusiaan serta perundungan tempatan, nasional dan antarabangsa yang berlaku, sebagai pilihan untuk bertindak di peringkat pemerintahan atau politik.
- b. Apabila sesebuah negara atau masyarakat menginginkan pemuliharaan objek/spesimen yang telah terbukti melanggar undang-undang nasional atau antarabangsa dan terbukti adalah hak milik negara/masyarakat itu, muzium seharusnya bertanggungjawab dan bekerjasama dalam pemulangan objek tersebut.

Kedua, muzium telah diakui menjadi alat utama yang menjana ekonomi berdasarkan pelancongan sejarah di sesuatu kawasan. Hal ini terbukti dengan wujudnya konsep kluster muzium sehingga dijadikan pemangkin utama untuk memajukan ekonomi pelancongan moden. Kemudian, diikuti dengan langkah kebanyakan negara dunia menubuhkan kementerian pelancongan yang tersendiri. Fenomena ini dapat dikesan berlaku di negara Barat. Dalam konteks Eropah, kemunculan muzium Bilbao Guggenheim dan Muzium The Louvre di Perancis telah berjaya menjadikan bandar raya Basque dan Paris sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Fakta ini jelas menunjukkan bahawa produk muzium dapat menjadi penjana utama perkembangan pelancongan warisan di sesebuah negara (ShawHong SER, 2020).

Selain dua faktor di atas, kedinamikan institusi muzium dapat dirujuk kepada aspek sosio-intelektual, iaitu:

- i. Falsafah dan kerangka epistemologi difahami oleh kalangan ilmuwannya dan mempunyai sejarah yang panjang, melalui dua zaman yang saling melengkapi, iaitu zaman penjajahan dan pasca kolonial. Ringkasnya, dalam tempoh ini telah berlaku proses pembentukan asas, pemantapan, *reviewing* dan penambahbaikan yang berterusan (Jesu'S-Pedro Lorente, 2012). Malah, terpenting lagi muzium sentiasa dikaji semula untuk tujuan penambahbaikan yang berterusan di peringkat institusi pengajian tinggi. Hasilnya, penambahbaikan ini dikumpulkan dalam koleksi untuk tujuan rujukan penyelidik apabila diperlukan (Ahmad Farid Abdul Jalal, 2017).
- ii. Berjaya menarik minat ahli masyarakat kerana formula penyelesaian masalahnya bertepatan dengan logik yang menjadikannya tetap relevan.

Definisi Wasatiyyah

Wasatiyyah adalah nisbah terbaik yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat Islam. Ia mendapat puji Allah SWT yang harus ditiru oleh umat manusia. Dari sudut bahasa, wasatiyyah membawa maksud seimbang dan pertengahan. Dari aspek istilah, ia bermaksud berada di tempat yang sesuai antara dua situasi yang bertentangan, selalu mengambil jalan tengah dalam berhadapan dengan apa-apa yang berlaku dalam kehidupan. Asas sandaran wasatiyyah ini dalam Islam diperoleh pemahamannya daripada sumber al-Quran dan as-Sunnah. Dalam al-Quran terdapat dua penegasan Allah SWT yang memuji keistimewaan umat Islam yang mengamalkan sifat adil dan wasatiyyah ini. Secara induktifnya, sifat-sifat ini perlu difahami dan diamalkan sepenuhnya oleh penganut Islam.

Allah SWT menjelaskan dalam surah al-Baqarah ayat 143, sifat keistimewaan umat *wasatiyyah* ini sebagai berikut:

- i. Umat yang mengamalkan sikap pertengahan, tidak seperti bangsa Yahudi yang mengambil pendekatan yang keras dan bangsa Nasrani yang mengambil pendekatan terlalu pasif dan lembut dalam segenap perkara.
- ii. Nisbah pertengahan yang membezakannya dengan golongan ateis (tidak percayakan Tuhan) dan golongan *polyties* (percaya kepada banyak Tuhan).
- iii. Nisbah pertengahan yang menyebabkan mereka mampu bertindak adil sehingga boleh menjadi saksi dan hakim bagi mengadili kedudukan umat yang lain.
- iv. Umat yang tidak mengamalkan pendekatan *ifrat* yang bermaksud terlalu ketat, keras, ekstrem, *tasyaddud*.

Sementara *tafrit* pula terlalu longgar, terlalu mengambil mudah, cuai, *taqsir*, dan *tasahul*. Dalam surah al-Maidah ayat 66, kita dapat memetik beberapa perkara yang sama, pertama, umat yang sentiasa mengikuti jalan tengah antara dua ekstrem yang wujud. Kedua, umat yang sentiasa mengikuti jalan lurus dan tengah, walaupun jumlahnya kecil. Ketiga, umat yang sentiasa mempunyai daya tahan iman yang tinggi dan mengamalkan sifat istiqamah dalam menjalankan tugas *amar makruf nahi mungkar*.

Secara langsung Allah SWT menisahkan umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW sehingga zaman sekarang dengan nisbah umat yang terbaik, kerana salah satu faktornya ialah mereka (umat Islam) mengamalkan sifat *wasatiyyah* (pertengahan) berbanding dengan bangsa Yahudi (terlalu keras) dan Nasrani (terlalu lembut). Namun demikian, pujian Allah SWT ini bukanlah bersifat mutlak dan kekal, tetapi ia bergantung pada kesediaan umat Islam itu sendiri untuk (i) menjauhi tabiat yang cuai, lalai dan seimbang dalam melakukan tanggungjawab *taklif*, dan (ii) ia perlu disertakan dengan semangat dan istiqamah yang tinggi di dalam menjalankan tugas *amar makruf nahi mungkar* (Fazlur Rahman, 1979). Sebagai contoh, kita boleh meneliti kesilapan yang dilakukan oleh bangsa Yahudi yang mengatakan mereka sebagai umat pilihan Tuhan, suatu bentuk keistimewaan yang bersifat kekal. Sedangkan mereka sendiri mengetahui bahawa selepas Allah SWT memuji bangsa Yahudi, mereka masih lagi mengamalkan tabiat buruk yang melampaui batas kemanusiaan yang dilarang keras oleh Allah SWT (Ghazali Darusalam, 1998).

Lawan kepada nisbah *wasatiyyah* ini adalah sifat *tafrit*, iaitu melampaui batas sama ada terlalu keras atau lembut, rajin atau malas dalam melakukan sesuatu pemahaman dan tindakan. Ia didorong oleh ketiadaan ilmu yang benar (konsep kehilangan adab) dan terlalu mengikuti dorongan nafsu dalam melakukan sesuatu perkara. Ringkasnya, ia terdiri daripada, pertama hierarki tertinggi pengamalan Islam yang berhasil akibat pembelajaran dan penaakulan secara mendalam dengan ajaran Islam. Ia membabitkan elemen kognitif, afektif dan psikomotor. Kedua, adalah fitrah (*build in instinct*) yang dimasukkan dalam diri manusia sejak ia dilahirkan. Maknanya secara fitrah, semua manusia akan menyukai *wasatiyyah* dan menentang sebarang bentuk tindakan melampau (Rahimin Affandi Abd Rahim, 2006). Ringkasnya, *wasatiyyah* adalah formula beragama yang diajarkan oleh Islam dalam tiga domain utama, iaitu kognitif (cara berfikir), afektif (sikap yang lahir) dan psikomotor (perbuatan yang lahir).

Paparan Muzium Islam Tentang Praktikal Wasatiyyah Di Tanah Melayu

Terdapat dua bentuk warisan sejarah yang biasanya digunakan, iaitu warisan nyata dan tidak nyata. Di sini letaknya kedinamikan peranan muzium yang boleh menggunakan kedua-dua bukti warisan ini dalam mempromosikan sesuatu tema. Kita bakal menggunakan beberapa artifak di dua muzium Islam di Malaysia iaitu Muzium Abu Bakar Pekan Pahang dan Muzium Negeri Terengganu untuk memperlihatkan bagaimana falsafah *wasatiyyah* ini diamalkan di Tanah Melayu.

Terdapat beberapa rasional kenapa artifak muzium dipilih. Secara umumnya, terdapat beberapa sebab keberkesanannya koleksi muzium yang mampu mempengaruhi pengunjung, iaitu

i. Keunikan Artifak Muzium

Kriteria pemilihan artifak muzium adalah kerana sifatnya yang unik, bermutu tinggi, asli, mewakili zaman khusus dan mempunyai nilai sejarah. Pengaruh sesuatu idealism, ideologi atau retorik yang dapat menarik minat seseorang biasanya kerana faktor bahan bacaan atau ucapan. Di sini terletaknya kelebihan koleksi muzium yang menggabungkan bahan bacaan, ucapan, penglihatan, perasaan dan soal jawab agar dapat menarik hati pengunjung.

Pelajaran sejarah di sekolah biasanya akan menggunakan buku teks, sedangkan di muzium pelajar berjaya memperluaskan horizon pemahaman apabila mereka didedahkan dengan bahan-bahan asli seperti artifak. Ia lebih menarik kerana:

- a. Ia bukan hanya dapat menarik minat bahkan juga mudah diingati oleh pelajar. Maklumat yang diperoleh akan menjadi ingatan kekal dalam minda seseorang pengunjung (Ab Samad Kechot, 2012). Contohnya, pelajar akan mudah memahami dan mengingati peristiwa Perjanjian Pangkor yang didedahkan dengan visual perjanjian terbabit di atas Kapal Pluto di Perak.
- b. Ia bersifat interaktif; pelajar bebas menyuarakan pandangan apabila melihat sesuatu artifak. Contohnya pelajar bebas bertanyakan soalan apabila melihat gambar tuntutan kemerdekaan Tanah Melayu.
- c. Ia dapat menjana sikap kritikal apabila melihat sesuatu artifak. Proses ini membabitkan usaha menjana pemikiran tahap tinggi yang terdiri daripada; mencetuskan sifat ingin tahu yang tinggi, menekankan isu pembuktian kepada sesuatu fakta, mengaitkan faktor sebab musabab, usaha mengkaji isu kontekstual sesuatu objek dan usaha mempelajari hikmah serta manfaat daripada sesuatu objek (S. Azman Ligun, 2017). Antara contoh terbaik adalah komenar pengunjung British Museum yang mengkritik tindakan penjajah British silam yang menjajah dan menjarah hasil warisan milik masyarakat tanah jajahan. Kesemua hasil penjajahan ini kemudiannya disimpan dalam British Museum.

ii. Mempunyai Nilai Sejarah Dan Mewakili Zaman Tertentu

Ia bersifat antara lainnya; pertama, bukti atau objek yang menandai / memperingati sesuatu peristiwa sejarah khusus untuk sesuatu artifak. Rahib Gharib (2017), Antara contohnya adalah rumah kelahiran Rasulullah s.a.w, tempat-tempat perang dalam Islam, Batu Nisan Pekan sebagai bukti Islamisasi awal di Pahang, gambar perjanjian Pangkor di atas kapal Pluto sebagai bukti perjanjian dan campurtangan British terawal di Perak.

Kedua, bukti yang menandai elemen tipologi, pemetaan dan kawasan tertentu dalam peristiwa sejarah. Keaslian tanda ini perlu dipertahankan untuk mengekalkan memori sejarah di sebalik artifak terbabit (Damna A Al-Zahrani, 2016). Antara contohnya adalah *storyline* sesuatu perkembangan sejarah. Sebagai contoh tindakan Syed Muhammad Naquid al-Attas (1969) yang membahagikan pemetaan pengaruh agama dalam sejarah alam Melayu kepada 3 zaman utama iaitu zaman antara tahun 1200-1400 iaitu zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan luaran semata-mata (*nominal conversion*). Kedua, zaman antara tahun 1400-1700 sebagai zaman pengislaman masyarakat Melayu secara zahir dan batin yang antara kesannya adalah tersebarnya ilmu pengetahuan yang cukup menggalakkan dalam pelbagai bidang pengajian Islam. Ketiga, zaman antara tahun 1700 ke atas yang digambarkan sebagai zaman penerusan idea daripada zaman kedua yang kemudiannya telah terganggu dengan kedatangan kuasa arat di Tanah Melayu.

iii. Muzium Mewakili Suara Rasmi Milik Kerajaan, Masyarakat atau Organisasi

Koleksi artifak muzium merupakan koleksi yang berautoriti yang bukannya berbentuk mitos tetapi didukung dengan bukti yang rasmi. Pada masa penjajahan British di Tanah Melayu, koleksi artifak milik masyarakat tanah jajahan dianggap berguna kepada pihak British di London kerana;

Pertama, sebagai alat untuk memahami sifat masyarakat koloni untuk menyediakan dasar yang difikirkan sesuai bagi memastikan British dapat bertahan lama di tanah koloni. Contohnya, sejarah mencatatkan bagaimana Muzium Perak ditubuhkan selepas pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak. British memahami kepentingan untuk mempelajari adat resam masyarakat Melayu untuk mengelakkan peristiwa tersebut berlaku. Oleh itu, proses belajar dan memungut bahan tentang masyarakat Melayu berjalan seiring dengan penubuhan Muzium Perak. Apa yang jelas, hasil kajian etnografi orang Melayu ditempatkan dalam muzium terbabit untuk dijadikan panduan oleh pentadbir British selepas J.W.W. Birch (Paulette Dellios, 1999).

Kedua, British memperlihatkan peranan besar membangunkan Tanah Melayu kepada masyarakat luar. Pentadbir British dalam persidangan tanah jajahan yang diadakan di London, sering menyebut kejayaan mereka membangunkan koloni melalui pelbagai infrastruktur fizikal (seperti bandar, sistem jalan keret api) yang disediakan. Antara bentuk infrastruktur fizikal penting yang dijadikan piawaian kejayaan mereka adalah penubuhan muzium di koloni (Maxwell, W.E., 1983).

Ketiga, kajian dan paparan tentang sumber asli koloni yang berpotensi melahirkan pulangan ekonomi yang baik (Indra Sengupta & Daud Ali, 2011). Kurator Muzium British akan menyediakan ruangan dan senarai khusus tentang geologi, botani, mineralogi dan zoologi koloni (Durrans, B., 1988). Contohnya adalah tanaman getah yang merupakan hasil daripada pendekatan ini, apabila getah telah menjadi sumber ekonomi British di Tanah Melayu. Begitu juga wakil Raja Brooke di Sarawak dilaporkan telah membawa fakta maklumat botani dan mineral di Borneo ke England yang dapat menarik minat pelabur England untuk melabur dalam ekonomi borneo (Paulette Dellios, 1999).

Dalam konteks zaman pula, apabila pelancong asing ingin mengetahui sejarah sesuatu negara mereka akan melihatnya daripada pameran di muzium milik sesuatu negara. Atas dasar itu, pengkaji moden menegaskan bahawa koleksi muzium merupakan sumber berautoriti untuk mengetahui dasar sesuatu negara. Alejandra Soledad Mery Keitel (2012) menegaskan bahawa muzium di Eropah telah dijadikan alat utama untuk mengajar ahli masyarakat tentang tamadun, dasar kerajaan, patriotism dan pembinaan negara bangsa. Hal ini dilakukan melalui pameran galeri muzium. Muzium dianggap sebagai satu-satunya sumber ilmu yang paling dipercayai. Hal yang sama dapat digunakan untuk mengetahui dasar kerajaan Malaysia – melalui Galeri Malaysia pasca merdeka di Muzium Negara secara jelas menunjukkan dasar integrasi kaum yang menjadi agenda perpaduan kerajaan Malaysia (Abu Talib Ahmad, 2014).

Dapatan Kajian

i. Bukti Warisan *Intangible Amalan Wasatiyyah* Orang Melayu

Wasatiyyah dalam Program Dakwah dan Usaha Jihad

Usaha Dakwah Di Alam Melayu

Memang tiada langsung bukti yang menunjukkan Islam tersebar melalui kaedah peperangan di Alam Melayu. Sebaliknya mubahil awal menggunakan pendekatan pendidikan dan mesra budaya. Di Alam Melayu, tiada catatan peristiwa yang berupa peperangan dan kemusnahan yang timbul kerana proses Islamisasi.

Selain mendasarkan usaha dakwah dengan niat yang betul, mubaligh awal telah melakukan penyelidikan tentang bagaimana program dakwah di Alam Melayu perlu dilakukan. Hasilnya, beberapa langkah telah dilakukan;

Pertama, mubaligh awal telah mengkaji struktur masyarakat Melayu yang berasaskan sistem beraja (feudalisme) dengan kedudukan raja yang amat ditaati oleh rakyat (Mohammad Redzuan Othman, 1994). Ini menyebabkan mereka bertindak secara beransur-ansur mendekati golongan raja dan menerapkan sistem beraja Melayu dengan nilai-nilai Islam. Walaupun struktur lama masih lagi dikekalkan tetapi ia telah diterapkan dengan nilai-nilai Islam. Kalau dulunya sistem beraja Melayu bersumberkan konsep Devaraja warisan Hindu-Buddha (Paul Wheatley, 1961) tetapi sekarang ia telah diabsahkan dengan prinsip raja sebagai khalifah Allah s.w.t di atas muka bumi (Mohd Nor Ngah, 1983). Tindakan yang mengakui keabsahan sistem beraja ini yang disokong dengan hubungan baik dengan raja-raja ini telah mempergiatkan lagi perkembangan Islam di Alam Melayu (R.O. Winstedt, 1961).

Kedua, menggunakan medium komunikasi dalam usaha dakwah. Penekanan tentang perihal pentingnya alat komunikasi terbaik untuk tujuan penyebaran nilai-nilai Islam seperti mana ditekankan dalam surah Ali-Imran ayat 64 telah difahami oleh kebanyakan mubaligh Islam yang kemudiannya menghasilkan pelbagai medium dakwah khusus ini, antaranya melalui medium tulisan, khutbah dan sebagainya. Kesemua medium ini telah dirangka khusus dengan mengambil kira persekitaran tempatan sasaran dakwah yang hendak disampaikan mesej Islam (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2003).

Apa yang jelas, dalam konteks Alam Melayu, pemahaman ini telah membawa kepada penciptaan tulisan Jawi dalam dunia intelektual Alam Melayu. Merujuk kepada asal-usul penciptaan dan penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat Melayu, sekali lagi kita perlu berterima kasih dengan sumbangan ulama Melayu Islam awal yang telah mengasaskan dan memperkayakan bahasa Melayu (Amran Kasimin, 1987) dalam bentuk tulisan Jawi yang dijadikan sebagai alat untuk mengembangkan keilmuan Islam (Omar Awang, 1981). Omar Awang (1980) juga mengatakan bahawa fenomena yang mengambil kira elemen tempatan dalam bentuk memilih bahasa tempatan sebagai medium untuk penyebaran ilmu agama telah dilakukan oleh sarjana Islam di kebanyakan dunia Islam seperti penciptaan tulisan Urdu di India dan tulisan Parsi di Iran berteraskan bahasa Arab dari segi bentuk dengan sedikit pengubahsuaian.

Usaha Jihad Di Alam Melayu

Ulama Melayu silam tetap mengamalkan pendekatan wasatiyyah dalam berhadapan dengan pencerobohan kuasa bukan Islam di Alam Melayu. Hal ini dijelmakan dalam beberapa perkara. *Pertama*, kesedaran tentang dominasi kuasa masyarakat dunia pada zaman pasca Perang Salib. Masyarakat dunia terbahagi kepada dua blok kuasa yang merujuk kepada kuasa agama dan ketenteraan. Ia terdiri dari blok Islam dan bukan Islam (diwakili oleh Portugis/ Kristian yang memang memusuhi blok Islam). Bagi blok Islam, ia terdiri daripada empat blok; Turki yang memegang status khalifah Islam dan kuasa ketenteraan (A.C.S. Peacock, 2015), Mughal dan Saljuk yang juga memiliki kuasa ketenteraan yang kuat; Timur Tengah menjadi pusat keilmuan Islam dan blok Alam Melayu (peripheral) (Shaharil Talib, 1997), yang memerlukan naungan daripada blok sebelumnya. Bukti sejarah menunjukkan bagaimana isu penjajahan Portugis di Melaka telah dibincangkan oleh pemimpin umat Islam dalam musim haji di Mekah.

Mohammad Hannan Hassan (2014) menjelaskan bahawa blok Islam telah mengambil langkah strategik dengan bertindak menjaga kepentingan perpaduan ummah Islam. Ia membabitkan usaha menguasai jalan perdagangan laut dan darat di antara Lautan Hindi dan Laut Merah. Lebih penting lagi, Alam Melayu dimaklumi memiliki potensi bahan mentah yang sangat diperlukan oleh masyarakat dunia pada masa itu. Hal ini disahkan dengan fakta kawasan Alam Melayu menjadi pusat utama dikunjungi kapal asing untuk mendapatkan bahan mentah yang diperlukan oleh masyarakat dunia. Banyak kapal-kapal Eropah dilaporkan datang berdagang di Alam Melayu, khususnya di Aceh (Mohammad Hannan Hassan, 2014).

Bagi blok Kristian khususnya Portugis, Alam Melayu perlu dikuasai untuk penyebaran agama Kristian dan mendapatkan hasil buminya yang kaya untuk kepentingan Portugis. Hal ini boleh dilihat daripada usaha Portugis menakluki Melaka dan diikuti dengan kawasan lain. Dalam soal ini, pentadbir Portugis di Asia, Jorange de Lamos (1585) menegaskan bahawa andainya Aceh dan Alam Melayu berjaya dijajah nescaya Portugis akan menguasai jalan dagang dunia (C.R. Botidaker, 1969).

Ummah Islam juga menyedari kepentingan memberi bantuan ketenteraan kepada sesama blok Islam dan kesepakatan menyebar dan menerbitkan karya ilmu Islam daripada kesemua blok ini. Sejarah mencatatkan bagaimana karya-karya Islam daripada pelbagai blok tersebar dan diterbitkan di kawasan tertentu dalam blok-blok ini; Istanbul, Bombay, Alam Melayu, Mesir dan Mekah (Md. Sidin Ahmad Ishak, 2000).

Dalam mempertahankan maruah ummah Islam, ulama Melayu menolak falsafah pacifism yang dikembangkan pada zaman moden. Falsafah ini antara lainnya mengutuk tindakan umat Islam mempertahankan diri yang dianggap sebagai keganasan tetapi enggan menyuarakan kezaliman pihak Barat yang menjadi punca timbulnya keganasan ini. John Esposito sendiri mengakui bahawa kerajaan Amerika yang perlu disalahkan kerana dasar luarnya yang bias dan menindas umat Islam. Memang kita dituntut menentang keras aksi melampau yang dilakukan oleh golongan Salafi Jihad (Zulkarnain Haron, 2013) tetapi;

- a. ia tidak bermakna kita patut duduk diam berkecuali tidak mengambil kisah apabila umat Islam ditindas.
- b. Kita tidak harus memekakkan telinga tanpa apa-apa inisiatif untuk menjaga maruah Islam apabila Islam diburukkan oleh media Barat.
- c. Kita tidak harus menerima pakai semua teori dan piawaian Barat tentang penganas semasa.

Berhadapan dengan penindasan kuasa Barat, ulama Melayu telah mengaplikasikan pendekatan wasatiyyah. Sheikh Daud Pattani dan Abdul Samad Palimbani dalam kupasan tentang jihad menekankan tidak boleh memulakan penindasan terhadap orang bukan Islam. Tetapi apabila maruah Islam dan umatnya dizalimi, keduanya dengan tegas mewajibkan jihad kepada penduduk di kawasan Islam dan pengikut Islam di kawasan luar diwajibkan untuk membantu perjuangan masyarakat Islam yang ditindas.

Catatan Tentang Watak Wasatiyyah Masyarakat Alam Melayu

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani menerangkan tentang masyarakat Alam Melayu dalam kitab *Tashilul Amani fi Syarah Awamil al-Jurjani*. Kitab ini siap dikarang pada 12 Rabiul Awal 1300H/21 Januari 1883M (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2004). Michael Francis Laffan (2003) menegaskan bahawa dalam peta dunia, rantau Alam Melayu yang dikenali sebagai *Negeri Di Bawah Angin* dengan watak masyarakat khusus. Orang Melayu dikatakan ikhlas, pemaaf, tidak mengemis, elok dan halus seni serta mempunyai pengetahuan yang luar biasa:

Adalah sekumpulan penduduk Kepulauan Melayu; Melayu (dibaca) ‘mim’ dengan baris bawah, atau ‘mim’ dengan baris di atas serta ‘ya’ dibaca dengan baris depan. Mereka sekumpulan penduduk yang mempunyai kegemilangan dalam kalangan manusia, negeri mereka paling subur di dunia, letaknya antara negara Hindi dan China, padanya banyak kawasan perlindungan (sewaktu pelayaran). Ahli ilmu geografi menggelarkan setengah negeri mereka negara Hindi dan China dan setengah ahli Hijaz (Makkah dan Madinah) menamakan yang lain, iaitu kebanyakan penduduk dinamakan Jawa. Mereka berada dalam lingkungan rumpun yang besar, mereka dihormati bahasa yang lebih ringan berbanding bahasa penduduk kawasan tersebut. Oleh sebab itu ramai yang menggunakan dalam

kalangan ahli Hijaz disebabkan pergaularan penduduk terlibat yang terdiri daripada pelbagai bahasa. Penduduk Melayu kaum yang senantiasa mempunyai niat yang ikhlas, serta jauh sekali tamak serta mempunyai sifat pemaaf. Istimewa kepada mana-mana pihak yang tidak pernah melihat negara mereka serta yang lain dalam kalangan mereka tidak pernah mengemis sekalipun berada dalam kemiskinan tegar. Mereka mempunyai keelokan dalam urusan sehari-hari, kehalusan seni kraftangan, mempunyai daya kreativiti menyebabkan hasil mudah dieksport. Mempunyai ilmu pengetahuan serta ilmu sains namun dirampas serta dijajah menyebabkan terbantut perkembangan. Adalah negeri-negeri mereka ditindas serta dijajah oleh orang-orang kafir. Semoga negara-negara Islam dilindungi Allah daripada kemurkaan. Amin

Catatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai ciri-ciri khusus yang membezakannya dari bangsa lain. Sesuai dengan teori Ibn Khaldun iaitu sifat manusia yang bergantung kepada pengaruh iklim yang berada di sekitar mereka, masyarakat alam Melayu terbukti mengamalkan pendekatan wasatiyyah dan mesra alam dalam menjalani kehidupan mereka. Mengikut Ibn Khaldun (t.t) lagi, manusia yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana akan melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur Tengah. Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2003).

Secara jelas kita mendapati kehidupan orang Melayu telah terpengaruh dengan alam dan laut. Hal ini dapat diselami dengan mengkaji artifak nyata dan tidak nyata yang dihasilkan oleh manusia Alam Melayu. Ia terdiri daripada *pertama*, mereka menganggap laut sebagai tempat yang membekalkan rezeki kepada mereka. Atas dasar itu hukum menjaga keseimbangan alam dan lautan mesti dijaga sepenuhnya. Sebarang tindakan yang merosakkan alam dan lautan sangat ditegah kerana ia bakal menjelaskan kehidupan mereka (Zainal Kling, 2000).

Kedua, manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak (Abdul Halim Othman & Md. Shuaib Che Din, 1993). Mereka sangat mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism. Selain itu, ia juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi (Wan Abdul Halim Othman, 1993).

Pendekatan ini bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata, bahkan juga kepada masyarakat asing (Idris Zakaria, 2003). Masyarakat Alam Melayu memang mempunyai sejarah berinteraksi dengan pelbagai bangsa asing. Antaranya bangsa Arab, Parsi, Cina dan Eropah. Ia termasuk juga dengan agama besar dunia seperti Hindu, Buddha, Islam dan Kristian. Oleh sebab itu, daripada aspek hubungan dan pendedahan luar, masyarakat Alam Melayu amat dinamik sekali, yang menjadi tempat pertemuan pelbagai budaya dan tamadun besar dunia. Proses ini berlaku dalam bentuk yang adil dan timbal balik. Ia terdorong dengan sifat masyarakat Alam Melayu yang berbentuk terbuka dengan pengaruh luar.

Jika dilakukan perbandingan, masyarakat Melayu memang berbeza dengan paradigma Barat yang berteraskan materialistik-mekanisme. Mereka menganggap alam sebagai sumber utama yang berupa material-mekanis semata-mata dan tidak mempunyai nilai spiritual (nyawa) yang perlu bergantung kepada kuasa ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan sifat sekularis dan individualistik yang lebih menjurus kepada mementingkan kebajikan manusia berbanding dengan kebajikan alam sehingga menimbulkan pelbagai masalah ekologi dunia yang amat serius (Zaini Ujang, 1989).

ii. **Bukti Artifak Nyata yang Menunjukkan Falsafah Wasatiyyah Di Alam Melayu**

Kita akan menumpukan perhatian pada lima artifak atau sumber sejarah iaitu *Hukum Kanun Pahang*, *Hukum Kanun Melaka*, *Kitab Aqaid Nasafi*, *Kitab Siratal Mustaqim* dan Batu Bersurat Terengganu. Antara sebab utama kenapa artifak ini dipilih adalah kerana ia mewakili kearifan tempatan Melayu yang mengandungi pemikiran Islam yang diamalkan dalam masyarakat Melayu. Maknanya ia dihasilkan melalui elemen kognitif, afektif dan psikomotor Melayu (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2010).

Bagi Abuddin Nata (2000), terdapat tiga pendekatan yang biasa diambil oleh sarjana apabila menyentuh isu artifak Islam di zaman tradisi Melayu. *Pertama*, pendekatan negatif yang dipegang oleh sarjana Wahabi-Salafi. Mereka menganggap semua elemen Melayu tradisi berasal dari warisan pra Islam (warisan Hindu, Buddha dan Animisme) yang secara pastinya bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Lebih buruk lagi, mereka menganggap masyarakat Melayu terkenal sebagai golongan yang fanatic terhadap adat warisan, bersesuaian dengan pepatah yang menyebut *biar mati anak jangan mati adat*. Mengikut pemahaman golongan ini, nisbah Islam yang paling murni hanya boleh didapati di kawasan Mekah dan Madinah, manakala ajaran Islam yang dipegang oleh penganut Islam di luar kawasan ini (*Islam pinggiran*) penuh dengan pelbagai unsur khurafat dan *bid'ah*.

Kedua, pendekatan yang memandang remeh warisan Melayu silam yang dikatakan sebagai ketinggalan zaman dan patut ditinggalkan begitu sahaja. Golongan ini terpengaruh secara langsung dengan paradigma kajian orientalism. Dalam menangani isu pengaruh Islam di Tanah Melayu, terdapat sesetengah sarjana tempatan yang menerima kesemua pandangan yang diberikan oleh genre orientalism. Mereka menerima sepenuhnya kerangka epistemologi sekular Barat dan memandang sinis terhadap pencapaian ulama silam di Alam Melayu. Bagi mereka, kajian terhadap sejarah tamadun Melayu Islam sebagai bersifat nostalgia yang terlalu mengagungkan pencapaian warisan silam tanpa ada relevansinya dengan suasana moden. Oleh sebab itu, untuk mencapai kemajuan masa depan peradaban bangsa yang lebih tinggi hal ini harus ditinggalkan dan dibiarkan menjadi rakaman sejarah lampau semata-mata.

Berhadapan dengan kedua-dua pendekatan ini, kita sepatutnya mengambil pendekatan pertengahan (wasatiyyah) iaitu apologistik tetapi tetap mengakui keunggulan tamadun Melayu silam. Ia harus dinilai mengikut konteks zaman silam. Hal ini sesuai dengan teori S.M. Naquib al-Attas. Kedatangan Islam ke Alam Melayu tidak berlaku secara sekaligus, tetapi ia ditakdirkan Allah s.w.t berlaku secara berperingkat, yang amat berbeza perkembangan dan kesan keislaman ke atas masyarakat Melayu dalam setiap peringkat perkembangannya.

Hasil Analisa

Hasil kajian induktif terhadap artifak sejarah ini mendapati bahawa mubaligh awal telah menerapkan falsafah Tauhid dan wasatiyyah kepada masyarakat Melayu

Islam Wajib Disebarkan Secara Damai dan Tidak Melalui Paksaan

Ia dapat dilakukan dengan menekankan dakwah menggunakan logik akal (rationalisme) untuk menarik hati masyarakat Melayu. Orang Melayu perlu diterapkan dengan apsek aqidah tauhid yang teguh yang kemudiannya menjadi asas jati diri manusia Melayu. Hasilnya, orang Melayu hanya mengakui diri mereka sebagai penganut Islam serta enggan dianggap sebagai penganut agama lain walaupun ia merupakan agama leluhur mereka sendiri. Walaupun, mereka boleh terbuka bergaul dengan penganut agama lain, tetapi Islam tetap dianggap agama yang paling benar oleh masyarakat Melayu. Hal ini menjadi intipati terpenting dalam kitab aqidah ulama Melayu seperti Nurudin Raniri (Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar, 2009).

Menyeimbangkan Antara Kepentingan Dunia dan Akhirat

Wan Mohd Nor Wan Daud (2009) menekankan pemakaian prinsip *world-affirmative* dan *societal*. Dalam banyak hal, mubaligh awal berjaya menerapkan pendekatan *world affirmative* (alam sebagai tempat

yang berguna) kepada masyarakat Melayu. Ia telah menjadi asas kepada pembangunan hidup masyarakat yang lebih dinamik. Menurut pendekatan ini, umat Islam perlu menolak semua bentuk ajaran yang menafikan kepentingan hidup dunia seperti mana dipegang oleh ajaran Neo-Platonism, Hindu, Buddha dan Kristian yang menganggap kehidupan dunia ini sebagai kotor dan perlu dijauhkan untuk mencapai kejayaan di dalam hidup selepas mati. Sebaliknya, umat Islam perlu menghidupkan pendekatan *world affirmative* ini dengan memberikan penekanan kepada empat intipati yang utama (Rahimin Affandi Abd Rahim, 2006);

- i. Kehidupan dunia ini perlu dilangsungkan dalam bentuk yang seimbang di antara kehidupan akhirat. Lebih penting lagi, kehidupan dunia ini perlu dijadikan medan utama untuk mendapatkan sebanyak mungkin bekal untuk kegunaan hari akhirat. Dalam soal ini, secara halus kita dapat menyimpulkan bahawa di antara kedua-dua alam ini, perkiraan alam akhirat perlu diutamakan memandangkan ia lebih bersifat kekal abadi.
- ii. Alam dunia ini dengan segala prasana yang wujud di dalamnya adalah untuk manfaat manusia dan bukannya untuk dipuja dan ditakuti seperti diamalkan oleh masyarakat primitif.
- iii. Selain mengetahui hukum Allah s.w.t dalam bentuk ketetapan agama daripada sumber wahyu, umat Islam dituntut mengkaji hukum alam (*sunnah alam*) yang juga diatur perjalannya oleh Allah s.w.t agar boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembangunan dunia.
- iv. Umat Islam di bawah pengaruh dan status khalifah amat digalakkan untuk meneroka, menggunakan dan meneliti alam semesta ini secara berhemah bagi tujuan memakmurkannya sebagai tempat yang selesa untuk didiami di samping menghayati keunggulan kekuasaan Allah s.w.t.

Bagi mencapai matlamat ini, diperlukan sebuah kerajaan bagi melaksanakan ilmu dan syariah Islam dalam hidup. Hal ini dapat difahami daripada Batu Bersurat Terengganu, Hukum Kanun Pahang dan Hukum Kanun Melaka.

Atas dasar itu, kita dapat dalam Batu Bersurat Terengganu tercatat pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi yang disertakan dengan pelaksanaan undang-undang Islam oleh Mandulika bertarikh 22 Februari 1303M. Bagi D.G.E. Hall (1968), perundangan Islam telah bertapak lebih daripada seratus tahun sebelumnya.

Menolak Pendekatan Ekstrem yang Bertentangan dengan Islam dan Sistem Sosial Melayu

Sejarah Alam Melayu mencatatkan bagaimana Nurudin Raniri telah mengeluarkan fatwa membakar dan menghukum mati pengikut tasawuf wujudiah. Namun begitu, fatwa yang ekstrem ini tidak diteruskan oleh mufti pengganti Nurudin Raniri iaitu Abdul Rauf Singkel.

i. Menyeimbangkan Antara Sumber Wahyu Dan Sumber Akal.

Pendekatan wasatiyyah ini boleh dilihat kepada karya Nuruddin al-Raniri yang menerangkan tentang tiga sumber ilmu; *pertama*, pancaindera yang lima; *kedua*, *khabar sadiq*, iaitu berita yang benar yang terbahagi kepada tiga; wahyu, khabar mutawatir dan khabar yang datang daripada Rasulullah s.a.w dan *ketiga*; akal.

b. Pancaindera

Pancaindera sebagai salah satu saluran utama yang membekalkan ilmu pengetahuan kepada manusia, merupakan saluran yang bersifat realiti dan empirikal. Saluran pancaindera ini merupakan deria luaran yang membekalkan maklumat berkenaan tentang alam sekeliling manusia. Sumber-sumber ini adalah data yang bersifat empirikal yang diperolehi daripada lima fakulti utama yang melibatkan organ-organ manusia dan haiwan seperti melihat (mata), mendengar (telinga), merasa (lidah), menyentuh (kulit) dan menghidu (hidung). Sumber-sumber yang diperolehi melalui data ini merupakan maklumat yang diperolehi menerusi deria luaran yang membekalkan maklumat berkenaan tentang alam sekeliling.

Data-data yang diperolehi melalui pancaindera ini juga terdiri daripada data *al-mahsusat al-zahirah* di mana data yang bersifat saintifik ini boleh mencapai kepada maklumat yang bertaraf `ilm al-yaqin. *al-mahsusat al-zahirah* ialah salah satu pengetahuan manusia yang dicapai melalui pancaindera manusia khususnya melalui deria penglihatan (organ mata). Data-data ini bersifat sensori iaitu data yang diperolehi manusia menerusi deria luaran yang dimiliki oleh manusia.

- **Wahyu**

Wahyu (al-Quran) adalah sumber yang penuh dengan kebenaran dan berautoriti kerana ia diberikan oleh Allah Yang Maha Mengetahui. As-Sunnah adalah sebahagian daripada ilmu Tuhan telah diberikan kepada manusia melalui nabi dan rasul dinamakan sebagai berita yang benar. Autoriti sumber as-Sunnah yang dibenarkan oleh wahyu ini adalah pasti atau mutlak sifatnya.

- **Akal**

Islam mengiktiraf kedudukan akal berdasarkan kepada batasan yang mampu dicapai olehnya. Data-data yang diperolehi melalui fakulti akal adalah bersifat rasio dan *apriori* di mana akal akan mentafsirkan sesuatu maklumat berdasarkan kepada kerangka logiknya. Contohnya, akal memberikan maklumat bahawa bilangan sepuluh lebih banyak daripada bilangan satu ataupun contoh lain iaitu seseorang itu tidak boleh berada dalam dua tempat yang berbeza dalam waktu yang sama. Saluran pengetahuan ini adalah bersifat aksiom di mana maklumat ilmu itu terbukti dengan sendirinya melalui proses *apriori*.

Penggunaan akal dengan baik amat dititikberatkan oleh Islam kerana antara syarat seseorang itu ditaklifkan dengan hukum syarak ialah mempunyai akal yang sempurna. Maksudnya, akal juga ada kelemahannya kerana akal ada-kalanya mudah dipengaruhi oleh imaginasi dan ramalan yang terkadang boleh menghasilkan keputusan yang salah walaupun berdasarkan kepada maklumat yang betul (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2009). Cara kerja akal dalam menghasilkan sumber ilmu adalah berdasarkan tiga kerja asas iaitu mengabstrak, menggabung dan menilai. Ketiga-tiga asas ini merupakan tindakan akal dalam mencerap sesuatu gagasan mahupun konsep yang bersifat universal dan hakiki.

Di samping itu, penggunaan akal sebagai sumber ilmu amat dititik beratkan dalam syariah Islam untuk menentukan persoalan hukum berpandukan kepada sumber wahyu. Dalam hal ini, fuqaha' Islam telah meletakkan peranan ijihad yang menggunakan fungsi akal dalam menentukan sumber hukum tambahan yang tidak termaktub secara jelas di dalam al-Quran dan as-Sunnah umpamanya *qiyyas, ijma'*, *istihsan, maslahah, siyasah shar'iyyah, masalah mursalah* dan sebagainya (Rahimin Afandi Abdul Rahim, 2002).

ii. Menyeimbangkan Antara Teks Islam dengan Realiti Masyarakat Setempat

Batu Bersurat Terengganu, Hukum Kanun Pahang dan Kitab *Siratal Mustaqim* secara jelas menunjukkan pemakaian falsafah wasatiyyah ini. Sejak disiplin fiqh Islam mula-mula diperkenalkan di Alam Melayu pada abad ke 16-17 melalui Kitab Fiqh *Siratal Mustaqim*, pengarangnya Nuruddin al-Raniri menonjolkan sistem fiqh yang bersifat semasa. Ia perlu sesuai dengan budaya, struktur dan sosio-historis masyarakat Alam Melayu. Memang diakui, karya-karya fiqh Alam Melayu yang datang terkemudian berusaha melakukan *review* dan memperkemaskan lagi dari masa ke semasa sehingga zaman moden ini. Secara umum, melalui karya-karya fiqh Alam Melayu di Abad ke 16-18, kita dapat mengenalpasti pendekatan yang mengambil kira realiti budaya tempatan ini.

Dalam karya *Siratal Mustaqim*, Nuruddin Al-Raniri telah menggunakan sumber rujukan karya fiqhnya daripada karya-karya Arab seperti *Minhaj al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin* oleh al-Nawawi, *Manhaj al-Tullab* dan *Fath al-Wahhab* oleh Zakariyya al-Ansari, *al-Anwar li A'mal al-Abrar* oleh al-Ardabili, *'Umdah al-Salik wa 'Uddah al- Nasik* oleh Ibn al-Naqib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj* oleh al-Khatib al-Sharbini dan tiga buah karangan fiqh Ibn Hajar al-Haytami, iaitu *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*, *Fath al-Jawwad Sharh al-Irshad* dan *al-Minhaj al- Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah*. Di samping itu, beliau telah memasukkan dalam kitabnya beberapa contoh barang

tempatan Melayu. Maknanya, beliau telah menyesuaikan perbincangannya dengan memasukkan elemen tempatan Melayu dan bukannya mengambil terus contoh yang terdapat dalam budaya Arab.

Mengikut Jamalluddin Hashim (2014), antara contoh barang tempatan Melayu yang dimaksudkan adalah;

- a. Hukum penggunaan rantai, halkah dan kepala perkapurana tembaga daripada perak - perhiasan dan peralatan memakan sireh.
- b. Hukum memakai pontoh, dokoh, seresari dan dewangga - pakaian, perhiasan dan alat haruman yang digunakan dalam upacara diraja.
- c. Hukum arak tempatan. Dalam tradisi Arab, kebiasaan arak diproses daripada bahan seperti anggur, kurma, kismis, madu, gandum, barli, jagung dan beras. Beliau telah mengharamkan penggunaan arak dalam masyarakat Melayu yang dikenali sebagai tuak (sejenis minuman yang dibuat daripada nira kelapa, enau dan lain-lain) dan kilang (air tebu atau nira yang diasamkan sebelum menjadi tuak).
- d. Hukum beristinjaq dengan kitab yang tidak berguna. Beliau memberikan contoh untuk diharuskan melakukan istinjaq dengan kitab Tawrat dan Injil, Hikayat Seri Rama dan Inderaputra. Ini kerana kesemua bahan-bahan ini tidak berguna mengikut pandangan Islam.
- e. Hukum sembahyang sunat di atas Rengga. Beliau menyatakan sah sembahyang sunat dengan mengadap kiblat walaupun berada di atas Rengga (tempat duduk berkanopi yang dipasang di atas belakang gajah, kerbau dan unta).

Shaharir Md Zin (2006) apabila membandingkan formula kearifan tempatan Melayu dengan *world-view* Barat merumuskan beberapa perkara, iaitu;

Prinsip Wasatiyyah Lawan Kepada Konsep Pengoptimum

Konsep pengoptimum tajaan Barat ini diasaskan kepada *world-view* kapitalisme. Ia telah dipakai oleh masyarakat Eropah abad 18 dan telah dipaksakan pemakaianya di Alam Melayu. Ia menekankan usaha yang lebih meningkatkan keuntungan mengatasi tahap biasa. Ia adalah sistem ekonomi dan sosial yang berkembang di Barat. Bahkan tamadun Barat pada waktu itu dikenali dengan nama tamadun kapitalis (*capitalist civilization*). Ia diasaskan kepada *world-view* kapitalisme yang berupa kepercayaan, pemikiran dan pendekatan terhadap kaedah menguruskan ekonomi. Semangat kapitalisme pegangan British menyatakan manusia sebagai *homo economicus*. Ia berupa sikap hati-hati, bijaksana, rajin dan bersungguh-sungguh dalam melakukan perniagaan. Dalam soal ini, manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada sifat ketamakan manusia tanpa ada campur tangan daripada agama. Semangat ini yang mendorong perkembangan kolonialisme di Barat dalam era Mercatalisme (1500-1750).

Hal yang sebaliknya dipakai oleh masyarakat Melayu. Keuntungan material bukan segala-segalanya. Tetapi lebih menekankan kepada sifat berpada, sederhana, berhemah, adil dan seimbang. Konsep kesederhanaan ini meliputi fikiran dan tindakan dalam konteks hubungan manusia dengan alam, makhluk dan Tuhan. Ia ditekankan untuk mewujudkan keharmonian antara manusia sesama manusia, dengan alam dan juga Tuhan bagi mengelakkan kemudharatan dan juga bencana. Contohnya, dalam konteks perubatan Melayu, konsep kesederhanaan dilihat penting dalam usaha mencegah penyakit. Kesederhanaan pada makanan misalnya mampu bertindak sebagai ‘ubat yang terlebih utama daripada sekalian ubat’ dengan mengamalkan makan dan minum hanya ketika lapar dan dahaga serta berhenti sebelum kenyang (Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2012).

Sistem Mantik Terhad Lawan Mantik Terbuka

Sistem logik Melayu bukan bersifat mendesak secara keras dalam bentuk hitam putih tanpa mempertimbangkan hujah pihak lawan. Ia bertentangan dengan sistem mantik Barat yang bersifat dua-

nilai, Ya atau Tidak sahaja. Sistem mantik Melayu bersifat tidak menzalimi orang, halus berseni dan penuh dengan kata-kata yang merendahkan diri.

Kepentingan Menjaga Sistem Hiraki dan Pendidikan Insan dalam Masyarakat

Ia membabitkan hubungan tua-muda, ketua masyarakat dan hubungan kekeluargaan. Masyarakat Melayu mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism (Norazit Selat, 1994). Ia juga dapat dirujuk sebagai manusia yang memiliki semangat mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi. Ia bukan terhad kepada anggota masyarakat Melayu semata-mata bahkan juga kepada masyarakat asing.

Matematik Mudharabah-Musyarakah lawan Matematik Bunga

Model Matematik bunga hanya berbentuk pembeza/diferensial (berketentuan atau berstokastik) bagi sepihak sahaja yang hanya menguntungkan satu pihak semata-mata. Model Matematik *musyarakah* (termasuklah *mudharabah*) adalah melibatkan kedua-dua pihak, pihak institusi kewangan dan pihak pelayan, yang berinteraksi antara satu dengan lain sepanjang masa. Maknanya, masyarakat Melayu menentang keras sebarang aktiviti ekonomi yang menindas dan menguntungkan satu pihak semata-mata.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini mendapati beberapa perkara utama. Pertama, muzium memang berfungsi sebagai perakam *world-view* pemikiran sesebuah masyarakat. Jadi, ia tidak bebas nilai, tetapi sebaliknya kurator muzium dalam menyusun galeri muzium sudah pasti terpengaruh dengan pemikiran masyarakatnya. Kedua, terdapat pelbagai faktor kenapa muzium mampu digunakan untuk sesuatu agenda pendidikan yang baik. Antaranya adalah keunikan artifak yang dimiliki, mudah diingati dan mampu menjana pemikiran kritikal. Ketiga, falsafah wasatiyyah secara sederhananya memang difahami dan diamalkan di Tanah Melayu. Hal ini didasarkan kepada analisa yang dibuat terhadap beberapa artifak sejarah terpilih daripada Muzium Abu Bakar Pekan Pahang dan Muzium Negeri Terengganu. Berasaskan kepada paparan yang dikemukakan dalam kajian ini, sudah sampai masanya kalangan sarjana Melayu-Islam semasa membantu pihak muzium Islam mempertahankan artifak sejarah ini. Terpenting lagi, kajian susulan perlu sentiasa dibuat terhadap kesemua artifak ini bagi membangunkan kerangka ilmu untuk artifak muzium Islam. Hanya dengan bantuan kajian ilmiah barulah muzium Islam ini dapat dikekalkan sebagai sumber keangungan tamadun Melayu-Islam.

Penghargaan

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran (FRGS/1/2021/SS10/UITM/02/35): yang bertajuk “Pembinaan Garis Panduan Muzium Patuh Syariah di Malaysia” yang dianugerahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (MoHE). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPT di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

Rujukan

- A.C.S. Peacock. (2015). The economic relationship between the Uthmaniyyah Empire and Southeast Asia in the seventeenth century. *Proceedings Of The British Academy; From Anatolia To Aceh, Uthmaniyyah, Turks and Southeast Asia*. Otidakfor, Otidakford University Press. 63-87.
- Ab Samad Kechot. (2012). Pendidikan warisan di muzium: Kajian berkaitan penggunaan laras bahasanya. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(8), 35-46
- Abdul Halim Othman & Md Shuaib Che Din. (1993). Sifat Kesederhanaan. Dalam *Psikologi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Talib Ahmad. (2014). *Museums, History and Culture in Malaysia*. National University of Singapore.
- Abuddin Nata. (2000). *Peta keragaman pemikiran Islam di Indonesia*. Rajawali Pres.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Huzaimah Ismail, Abdul Halim Ismail, Muhd Imran Abd Razak. (2017). Pengaruh ilmu kolonial dalam permuziuman di Malaysia: Satu analisis. *E-Academia Journal*, 6 (1) 127-141.
- Ahmad Farid Abd Jalal. (2020). Muzium dan kedaulatan institusi beraja di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 5(1), 27-44.
- Alejandra Soledad Mery Keitel. (2012). *Human computer interaction in museums as public spaces: A research of the impact of interactive technologies on visitors' experience*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). University of Technology, Sydney.
- Amran Kasimin. (1987). *Perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- C.R. Botidaker. (1969). A Note on Portuguese reactions to the revival of the red sea spice trade and the rise of Atjeh, 1540-1600. *Journal Of Southeast Asian History*, 10(3), 415-428.
- D.G. E. Hall. (1968). *A history of South East Asia*. St. Martins Press.
- Damna A Al-Zahrani. (2016). *Heritage, conservation and good governance enhancing the heritage law framework in Saudi Arabia*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). University Of Western Australia.
- Diana Laurenson & Alan Swingewood. (1971). *The Sociology of literature*. Macgibbon & Kee.
- Durrans, B. (1988). The Future Of The Other : changing cultures on display in ethnographic musuem. Dalam R. Lumley (Ed.), *The musuem time-machine* (pp. 144-169). Routledge.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2012). Perubatan Melayu tradisional: Kitab tibb Puntianak. *Jurnal Al-Tamadun*, 7(1), 149-162.
- Fazlur Rahman. (1979). *Islam*. University of Chicago Press.
- Ghazali Darusalam. (1998). *Dakwah Islam dan ideologi Barat*. Utusan Publication.
- Ibn Khaldun. *Mukadimah al-Allamah Ibn Khaldun*. Dar Al-Fikr.
- Idris Zakaria. (2003). Islam dan amalan toleransi di Nusantara. Dalam Zulkiple Abd. Ghani, Anuar Puteh, H.A. Yaakob Matondang (Eds.), *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*. Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Indra Sengupta & Daud Ali. (2011). *Knowledge production, pedagogy and institutions in colonial India*. Palgrave Macmillan.
- Jamalluddin Hashim. (2014). Analisis pengaruh unsur fiqh tempatan dalam kitab al-sirat al-mustaqim karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 2-19.

- Jesu'S-Pedro Lorente. (2012). The development of museum studies in universities: From technical training to critical museology. *Museum Management And Curatorship*, 27(3), 237-252.
- Maxwell, W.E. (1983). The Malay peninsula: its resources and prospects. Dalam P. H. Kratoska (Eds.), *Honourable Intentions*. Oxford University Press.
- Md. Sidin Ahmad Ishak & Mohammad Redzuan Othman. (2000). *The Malays in the Middle East*. University of Malaya Press.
- Michael Francis Laffan. (2003). *Islamic nationhood and colonial Indonesia: The umma below the winds*. Routledge Curzon
- Mohammad Hannan Hassan. (2014). *Islamic legal thought and practices of seventeenth century Aceh: Treating the other*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). McGill University.
- Mohammad Redzuan Othman. (1994). *The middle eastern influence on the development of religious and political thought in Malay society, 1880-1940*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). University of Edinburgh.
- Mohd Nor Ngah. (1983). *Kitab jawi: Islamic thought of the Malay Muslim scholar*. Institute of Southeast Asian Studies
- Norazit Selat. (1994). Nilai kerja dalam masyarakat Melayu. Dalam Akademi Pengajian Melayu (Eds.), *Budi Kencana : Kumpulan makalah memperingati persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussien* (pp. 133-141). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Omar Awang. (1980). The Terengganu inscription as the earliest known evidence of the finalisation of the Jawi alphabet. *Federation Museums Journal*. 25, 55.
- Omar Awang. (1981). The major Arabic sources which determined the structure of Islamic thought in the Malay archipelago before the nineteenth century A.D. In *The Field Of Law, Theology And Sufism. Islamika*, 1, 80-85.
- Paul Wheatley. (1961). *The Golden Chersonese*. University of Malaya Press
- Paulette Dellios. (1999). *The museum as artifact, made in Malaysia*. (Tesis kedoktoran tidak diterbitkan). James Cook University Of North Queensland.
- R.O. Winstedt. (1961). *The Malays: A cultural history*. Routledge & Kegan Paul.
- Rahib Gharib. (2017). Preservation of built heritage: An Islamic perspective. *Journal Of Cultural Heritage Management And Sustainable Development*, 7(4), 366-380.
- Rahimin Afandi Abdul Rahim. (2002). Epistemologi hukum Islam: Satu pengenalan. *Jurnal Usuluddin*, 15, 53-72.
- Rahimin Afandi Abdul Rahim. (2003). Al-Quran dan peranan ulamak Melayu dalam pemodenan rantau alam Melayu. Dalam Mohd Radzi Othman (Eds.), *Warisan al-Quran dan peradaban manusia Siri 1*. (pp. 1-31). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahimin Afandi Abdul Rahim. (2003). Analisis sejarah dakwah dan jalinan intelektual rantau Malaysia-Indonesia. Dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.) *Jaringan dakwah Malaysia-Indonesia* (pp. 47-74). Jabatan Pengajian Dakwah Dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara
- Rahimin Afandi Abdul Rahim. (2006). Ilmu dan kepimpinan Islam. Dalam Nor Raudah Sireh (ed.), *Dakwah Islam Semasa : Konsep Dan Pelaksanaan* (pp. 25-38). Penerbit Unversiti Malaya.

- Rahimin Afandi Abdul Rahim. (2006). Islam hadhari sebagai wahana ilmu untuk kecemerlangan umat Islam di Malaysia. Dalam *Risalah khas sambutan ma'al hijrah peringkat kebangsaan 1427H* (pp.1-41). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Rahimin Afandi Abdul Rahim. (2010). Batu bersurat Terengganu: Satu tafsiran terhadap pelaksanaan syariah Islam. *Jurnal Fiqh*, 7, 107-148.
- S. Azman Ligun. (2017). Muzium sebagai instrumen pembelajaran sejarah luar bilik darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19-28.
- Shaharil Talib. (1997). The Asiatic Archipelago: History beyond boundaries. *JATI: The Asiatic Archipelago: History Beyond Boundaries*, 3, 132-135.
- Shaharir Mohamad Zain. (2006). Pendekatan baru terhadap konsep optimum barat dan beberapa konsep optimum baru dalam acuan sendiri. *Kesturi : Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia*. 16 (1) 55-96.
- Shaw Hong SER. (2020). Museums and tourism: Reengineering the role of museums in Malaysia's cultural heritage tourism. *Journal Business Economic, Communication, and Social Sciences*, 2(1), 145-157.
- Suhaili Osman. (2011). Expressing Islam: A study of the bayt al-Qur'an & museum istiqlal Indonesia and the Islamic arts museum Malaysia. (Tesis Master tidak diterbitkan). National University of Singapore.
- Syed Muhammad Naquid al-Attas. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Ta'dib International Sdn Bhd.
- Wan Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar. (2009). Kerangka komprehensif pemikiran melayu abad ke-17 masih berdasarkan manuskrip Durr al-fara@id karangan Sheikh Nurudin al-Raniri. *SARI: International Journal of the Malay World and Civilisation*, 27(2), 119-146.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. (2004). *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara*. Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- Zainal Kling (2000). Manusia Melayu, alam dan tamadunnya. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (EDS.), *Globalisme dan patriotisme dalam sastera Melayu : Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaini Ujang. (1989). Tinjauan terhadap pendidikan bersepadu: Suatu sorotan dalam pengajian kejuruteraan alam sekitar. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2(1), 39-42.
- Zulkarnain Haron. (2013). A study of the salafi jihadist doctrine and the interpretation of jihad by al-Jamaah al-Islamiyah. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 20(2), 15-37.